

## Urusan Unit Pendaftaran Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

### PENYAKSIAN

1. Urusan Penyaksian KTN hanya dilakukan pada hari Khamis secara *walk-in* untuk orang awam (persendirian) dan temu janji melalui permohonan atas talian pada hari Isnin dan Rabu untuk Firma Guaman;
2. Tatacara permohonan temu janji penyaksian boleh disemak di portal PDTK di alamat <https://www.selangor.gov.my/klang.php> ;
3. Penyaksian di PDTK adalah hanya untuk hakmilik Daerah Klang sahaja;
4. Penggunaan borang yang diragui ketika sesi penyaksian orang awam (persendirian) akan ditolak. PDTK tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk mematuhi jadual tersebut;
5. Salinan Carian Rasmi bagi penyaksian yang tidak mempunyai dokumen hakmilik (geran) asal atau Carian Persendirian bagi penyaksian yang mengemukakan dokumen hakmilik (geran) asal **TERKINI** (hari yang sama penyaksian dibuat) adalah **DIWAJIBKAN**;
6. Sila pastikan penyaksian bagi Pindahmilik Tanah, Bahagian atau Pajakan serta Gadaian menggunakan Borang 14A dan Borang 16A yang **TERKINI** (N.L.C.22A-Pin.3/2017);
7. Semua dokumen wajib seperti Sijil Kelahiran Asal (jika berkaitan) dan sebagainya mencukupi dan dibawa bersama; dan
8. Sila pastikan salinan e-mel temu janji dikemukakan pada hari penyaksian (bagi Firma Guaman sahaja);

### LAIN-LAIN

1. Permohonan Pemegang Amanah (PNPA) adalah **DITANGGUH** sehingga diberitahu kelak; dan
2. Penyaksian oleh Penolong Pentadbir Tanah, PDTK bagi tujuan PNPA adalah tidak dibenarkan.